

Kerajaan akan tingkatkan kemudahan di bandar pintar

UM - 7 SEP 2002

Oleh AKMAR
HISHAM MOKHLES

CYBERJAYA 6 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan meningkatkan lagi kemudahan serta infrastruktur di bandar pintar negara ini supaya lebih mesra perniagaan sekali gus menarik lebih banyak syarikat dan pelabur asing beroperasi di situ.

Menurut Perdana Menteri, peningkatan infrastruktur itu akan mewujudkan persekitaran yang lebih sesuai untuk pertemuan para saintis, usahawan serta pereka bentuk menghasilkan produk kreatif serta berinovasi.

Katanya, kerajaan bersedia mendengar sebarang cadangan atau aduan daripada mana-mana pihak dan pada bila-bila masa untuk kebaikan Cyberjaya.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan berharap peningkatan prasarana itu nanti akan membolehkan kegiatan perniagaan di situ berjalan dengan lebih jaya.

“Sekiranya anda mempunyai sebarang aduan atau cadangan, kami akan mendengarnya dan kami akan lihat sama ada boleh berbuat sesuatu tentangnya,” kata beliau.

Perdana Menteri berkata demikian sewaktu upacara merasmikan Pusat Perkhidmatan Maklumat DHL Asia Pasifik (DHL-APIS) di sini, hari ini.

Kompleks DHL-APIS berharga RM200 juta yang dilengkapi pelbagai kemudahan canggih itu merupakan satu daripada tiga pu-

sat perkhidmatan maklumat global strategik DHL Worldwide Express.

Pembinaan kompleks tersebut adalah sebagai tanda keyakinannya terhadap Malaysia dan Koridor Raya Multimedia (MSC) khususnya, yang semakin pesat berkembang.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie; Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng dan Pengerusi Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC), Tan Sri Dr. Othman Yeop Abdullah.

Terdahulu beliau memasmikan Pusat Aplikasi Perdana MSC serta Pusat Inovasi Kesihatan dan Perusahaan Perubatan (CHIME) yang terletak bersebelahan kompleks DHL-APIS.

Perkhidmatan

Dr. Mahathir seterusnya berkata, pada masa ini kerajaan telah menyediakan segala prasarana yang perlu untuk memajukan bandar tersebut di samping mewujudkan dasar-dasar, undang-undang siber serta amalan yang perlu.

Biarpun begitu, menurutnya, kerajaan akan terus memperbaiki prasarana yang ada agar ia berupaya menyediakan perkhidmatan bertaraf dunia serta lebih baik daripada tempat-tempat seumpamanya.

Ujar Perdana Menteri, kerajaan akan sentiasa peka dengan perubahan yang perlu dilakukan biarpun secara umumnya prasarana sedia ada men-

cukupi untuk syarikat-syarikat yang beroperasi di situ.

Beliau memberitahu, kerajaan mahu Cyberjaya terus menjadi tumpuan dan berkembang pesat sekali gus membuktikan kemampuan anak-anak tempatan dalam bidang teknologi maklumat.

Pada ucapannya, Dr. Mahathir turut mengimbas sejarah awal penubuhan Cyberjaya yang antara lain menyaksikan ketidakyakinan serta rasa curiga banyak pihak terhadap kemampuan kerajaan membangunkan bandar pintar itu.

Bagaimanapun, tegasnya, projek itu kini telah membuahkan hasilnya dan ia boleh dilihat bukan sahaja daripada pembinaan banyak bangunan di situ tetapi juga pelbagai bentuk perniagaan yang dijalankan.

Kata Perdana Menteri, antara kegiatan yang dijalankan ialah aplikasi teknologi maklumat yang sangat canggih dengan sebahagiannya merupakan inisiatif pertama di dunia.

Lebih membanggakan jelas beliau ialah, ramai rakyat tempatan yang terlibat secara langsung dalam penghasilan produk berkenaan termasuk perisian komputer.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir turut memuji komitmen yang ditunjukkan oleh DHL sambil menyifatkannya sebagai antara daya tarikan yang boleh membawa lebih banyak syarikat besar untuk beroperasi di Cyberjaya.